

# Cuti tanpa rekod jaya aktiviti PIBG disokong

**S**ATU lagi cadangan yang menarik untuk diteliti bagi memperkasakan peranan Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) ialah memberi cuti tanpa rekod kepada ibu bapa yang menghadiri aktiviti PIBG. Cadangan ini dikemukakan Majlis Permuafakatan Persatuan Ibu Bapa dan Guru Nasional (PIBGN).

Menurut Presidennya, Prof Datuk Dr Mohamad Ali Hassan, cadangan ini boleh menarik lebih ramai ibu bapa dan penjaga murid memberi komitmen terhadap kegiatan persatuan berkenaan. Sebagai tambahan PIBGN mencadangkan ahli yang komited menjayakan matlamat PIBG diberi pengiktirafan sewajarnya.

Cadangan ini dilihat satu lagi usaha menarik untuk menghidupkan dan mengaktifkan PIBG di sekolah yang ketika ini seolah-olah sepi, lesu dan hanya ditubuhkan umpama melepaskan batuk di tangga.

Ini jelas dapat dilihat apabila hanya individu yang sama menyertai segala aktiviti PIBG. Malah kehadiran ke mesyuarat PIBG juga sering mendukacitakan.

Antara alasan yang biasa kita dengar daripada ibu bapa mahupun penjaga ialah sibuk dengan kerja dan tidak boleh mengambil cuti hanya semata-mata untuk menghadiri mesyuarat mahupun aktiviti PIBG.

Ini menyebabkan kebanyakan aktiviti yang dirancang tidak dapat dilaksanakan dengan baik atau kurang mendapat sambutan daripada ibu bapa walaupun ia demi masa depan anak mereka.

Oleh itu, cadangan cuti tanpa rekod ini dilihat mampu sedikit sebanyak membuka ruang yang lebih luas kepada ibu bapa untuk menyertai dan memberi sumbangan bermakna kepada kegiatan anjuran PIBG tanpa alasan kesibukan tugas.

Dalam merealisasikan cadangan berkenaan kita berharap pihak kerajaan melalui Kementerian Pelajaran akan berbin-cang dengan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) bagi memberi kelulusan cuti tanpa rekod kepada penjawat awam yang ingin menyertai aktiviti PIBG di sekolah anak masing-masing.

Diharapkan pihak majikan sektor swasta juga dapat mempertimbangkan dan seterusnya turut meluluskan cuti tanpa rekod kepada kakitangan sebagai satu tanggungjawab sosial korporat mereka.

**NOOR MOHAMAD  
SHAKIL HAMEED,**  
*UPM, Serdang.*